



---

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN WILAYAH  
PERSEKUTUAN**  
**BIL. 2/2020**

---

**PENYELARASAN DAN PENETAPAN TUJUAN, PEGAWAI  
PENGAWAL DAN PEGAWAI PENYELENGGARA BAGI TANAH YANG  
DIRIZABKAN UNTUK MAKSUD AWAM DI BAWAH SEKSYEN 62  
KANUN TANAH NEGARA 1965**

**© Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan 2020**

**Hak cipta terpelihara.** Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan.

**Maklumat Dokumen**

Tajuk Dokumen	Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Bil. 5/2020  Penyelarasaran Dan Penetapan Tujuan, Pegawai Pengawal Dan Pegawai Penyelenggara Bagi Tanah Yang Dirizabkan Untuk Maksud Awam Di Bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965 (KTN)
Disediakan oleh	Bahagian Penguatkuasaan Dan Teknikal Sektor Pengurusan Tanah Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan
Alamat	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Aras G-6, Rumah Persekutuan, Jalan Sultan Hishamuddin, 50678 Kuala Lumpur
Telefon	03 -2610 3300
Faks	03 – 2610 3499
E-mel	tanahwila@ptgwp.gov.my
Kategori dokumen	Terhad
Tarikh kuasa	Tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

## **1. Tujuan**

Tujuan Pekeling ini dikeluarkan adalah untuk menyelaras dan menetapkan perkara-perkara berkaitan tujuan, Pegawai Pengawal dan Pegawai Penyelenggara bagi tanah-tanah yang dirizabkan untuk maksud awam di bawah seksyen 62 KTN.

## **2. Latar Belakang**

- 2.1. Perizaban tanah adalah satu bentuk pelupusan tanah oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) sebagaimana yang diperuntukkan kepadanya di bawah seksyen 42 KTN. Perizaban tanah oleh PBN adalah di bawah subseksyen 62 (1) KTN. PBN bagi maksud merizabkan tanah di Wilayah Persekutuan adalah merujuk kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan (JKTWP).
- 2.2. Berdasarkan amalan dan praktis semasa, tanah-tanah yang dirizabkan di Wilayah Persekutuan adalah tidak seragam daripada segi tujuannya, berbeza-beza daripada segi penetapan Pegawai Pengawalnya dan kebanyakannya tidak ditetapkan pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk menyelenggaranya. Contoh-contohnya adalah seperti di **Jadual 1**:

**Jadual 1: Contoh Praktis Semasa**

<b>Bil</b>	<b>Tujuan Perizaban</b>	<b>Pegawai Pengawal</b>
1.	Kawasan Lapang dan Rekreasi, Kawasan Hijau, Akses Jalan, Tapak Landskap dan Tempat Letak Kereta	Ketua Setiausaha Negara, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan
2.	Masjid, Surau, Tapak Sekolah Agama, Tadka Islam dan Tapak Perkuburan Islam	Ketua Setiausaha Negara, Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, Pengarah Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan

3.	Dewan Komuniti, Dewan Serbaguna, Tapak Penjaja, Tapak Tadika, Laluan Pejalan Kaki, Tapak Semaian dan Tapak Stor	Ketua Setiausaha Negara
4.	Kolam Tadahan, Kolam Takungan Banjir, Tapak Siren Amaran Banjir, Tangki Air, Tangki Sedut, Tangki Simpanan, Rumah Pam, Stesen Pam, Rizab Sungai, Rizab Parit, Tapak Loji Rawatan Air Sungai dan Tapak Pengindahan Tepi Sungai	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
5.	Rumah Ibadat Bukan Islam dan Tanah Perkuburan Bukan Islam	Pengarah Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan
6.	Sistem Perkhidmatan Dan Pembetungan, Tapak Kuarters Kerajaan dan Jalan Persekutuan	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan

2.3. Ketidakseragaman yang wujud seperti yang ditunjukkan di perenggan 2.2 di atas menggambarkan amalan atau praktis yang tidak konsisten bermula dengan pengesyoran dan perakuan daripada Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan hingga kepada kelulusannya oleh JKTWP.

### **3. Penyelarasan Penetapan Tujuan, Pegawai Pengawal Dan Pegawai Penyelenggara**

3.1. Berdasarkan ketidakseragaman yang wujud seperti yang dinyatakan, wujud keperluan untuk menyelaras dan menetapkan tujuan perizaban tanah termasuk Pegawai Pengawal dan Pegawai Penyelenggaranya. Selain penetapan Pegawai Pengawal yang hendaklah terdiri daripada penjawat awam, penetapan pegawai penyelenggara juga adalah amat penting supaya tanah-tanah yang dirizabkan dapat diuruskan sebaiknya. Pegawai Penyelenggara ini tidak semestinya terdiri daripada penjawat awam, pihak

berkuasa berwajib seperti pihak berkuasa tempatan dan Majlis Agama Islam sebagai contoh boleh ditetapkan sebagai Pegawai Penyelenggara.

- 3.2. Bagi tujuan menetapkan Pegawai Pengawal bagi tanah yang dirizabkan, fokus harus diberikan kepada pegawai yang bersesuaian dan selayaknya berdasarkan fungsi, peranan dan tanggungjawab sesebuah jabatan/agensi awam yang berkait dengan tujuan tanah Kerajaan itu dirizabkan.
- 3.3. Penentuan bagi Pegawai Penyelenggara ke atas tanah yang dirizabkan adalah berdasarkan kepada kemampuan pihak berkuasa yang berkenaan dalam meyelenggara tanah tersebut secara konsisten, teratur dan mengikut tujuan perizaban tersebut. Di dalam beberapa keadaan berdasarkan permohonan yang diterima oleh Pentadbir Tanah, penetapan Pegawai Penyeleggara secara bersama boleh dibenarkan bagi memudahkan urusan penyelenggaraan pada masa hadapan terutamanya jika berlaku isu kekangan peruntukan kewangan di salah satu pihak terlibat. Penentuan ini juga adalah mengikut persetujuan daripada kedua-dua pihak. Sebagai contoh, permohonan untuk merizabkan tanah bagi tujuan kolam takungan banjir atau kolam tадahan daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur, walaupun tujuan atau maksud perizaban tersebut adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Pengairan Dan Saliran, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga ada tanggungjawab untuk menyelenggara tanah rizab tersebut jika melibatkan kawasan rekreasi, taman atau jalan awam.
- 3.4. Penetapan tujuan perizaban dan Pegawai Pengawalnya juga perlu berpandukan kepada Perkara 74, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan khususnya yang menyentuh perkara perkara bawah Senarai I (Senarai Persekutuan) dan Senarai II

perkara yang tersenarai di bawah Senarai Negeri yang hendaklah juga dianggap sebagai perkara di bawah Senarai Persekutuan.


- 3.5 Bagi maksud menyelaraskan dan menetapkan tujuan perizaban tanah termasuk penetapan Pegawai Pengawal dan Pegawai Penyelenggaranya, Pengarah Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan telah bersetuju supaya tanah-tanah yang dirizabkan untuk maksud awam di bawah subseksyen 62(1) KTN di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan ditetapkan seperti di dalam **Jadual 2** di Lampiran.

#### **4. Tarikh Kuatkuasa**

Pekeliling ini akan berkuatkuasa pada tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

#### **5. Pemakaian**

Pekeliling ini terpakai kepada kakitangan Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.



**DATO' HAJI CHE ROSLAN BIN CHE DAUD**  
**Pengarah Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan**

No Fail : PTG/WP.100-2/26

Bertarikh: 22 April 2020

**Jadual 2: Penetapan Tujuan, Pegawai Pengawal Dan Pegawai Penyelenggara**

<b>Bil</b>	<b>Tujuan Perizaban</b>	<b>Pegawai Pengawal</b>	<b>Pegawai Penyelenggara</b>
1	Kawasan Lapang, Kawasan Hijau, Zon Penampan, Padang Permainan, Kawasan Rekreasi	Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah Persekutuan	Datuk Bandar Kuala Lumpur / Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan
2	Dewan Komuniti, Dewan Masyarakat, Dewan Serbaguna, Balai Raya	Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah Persekutuan	Datuk Bandar Kuala Lumpur / Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan
3	Masjid, Surau, Tapak Perkuburan Islam	Pengarah, Jabatan Agama Wilayah Persekutuan	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
4	Kolam Tadahan, Kolam Takungan, Rumah Pam Banjir, Empangan, Sungai, Tapak Siren Amaran Banjir*	Pengarah, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur / Labuan / Putrajaya	Pengarah, Jabatan Pengairan Dan Saliran Wilayah Persekutuan dan Datuk Bandar Kuala Lumpur / Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan
	*Penetapan Pegawai Penyelenggara bagi tanah rizab ini adalah mengikut permohonan dan keadaan berdasarkan persefahaman dan persetujuan bersama di antara Jabatan Pengairan dan Saliran dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur		
5	Rumah Ibadat Bukan Islam	Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah Persekutuan	Persatuan atau pertubuhan yang bertanggungjawab
6	Semua Perkara Di Bawah Senarai I (Senarai Persekutuan) termasuk tapak/kolam pembentungan/ pengoksidaan/kolam kumbahan	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan	Mengikut Kementerian / Jabatan Pengguna / agensi / badan yang berkenaan